

Produk Malaysia Best tembusi pasaran dunia

Oleh Badrila Jamlus

BH 28/6/03

KUALA UMPUR: Produk pertanian menggunakan jenama Malaysia Best yang mula diperkenalkan semalam dijangka menembusi pasaran antarabangsa dalam tempoh dua hingga tiga bulan akan datang.

Ini kerana 400 ladang pertanian di seluruh negara yang berdaftar dengan kementerian kini dalam proses memenuhi Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM) bagi memastikan hasil yang dikeluarkan berkualiti dan memenuhi spesifikasi standard yang ditetapkan.

Menteri Pertanian, Datuk Mohd Effendi Norwawi, berkata

sehingga 23 Jun lalu, 47 ladang diberi kebenaran menggunakan jenama Malaysia Best.

“Kita berharap melancarkan jenama itu secara besar-besaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

“Kita sedang mengiktiraf seberapa banyak ladang pertanian, termasuk 400 ladang besar ini selain beribu ladang program kelompok Jabatan Pertanian bagi memastikan bekalan berterusan,” katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja untuk memperkenalkan buat kali pertama jenama Malaysia Best di Pasar Raya Tesco

Mutiara Damansara, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Datuk Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor; Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Wan Ibrahim Wan Daud dan Ketua Eksekutif Tesco, Simon Turner.

Pada peringkat permulaan, mangga, betik, belimbing, tembikai dan nanas dilabelkan dengan jenama Malaysia Best dan akan diperluaskan untuk produk hasil pertanian lain meliputi hasil ternakan, sayur-sayuran dan perikanan.

Lima jenis buah-buahan itu turut dipasarkan ke lebih 30 pasar raya seluruh negara secara

berperingkat, termasuk cawangan Tesco, Carrefour, Makro, Jaya Jusco, Tanjung Supermarket, Fajar Supermarket, Billion Supermarket dan Giant.

Mohd Effendi berkata, jenama itu bukti tanda kualiti dan kese-

lamatan makanan serta berasaskan piawai pertanian antarabangsa yang diluluskan seperti Amalan Pertanian Yang Baik (EUREP GAP) serta Kod Amalan Antarabangsa dan Standard Malaysia (Codex).

Bagaimanapun, kementerian akan menarik balik pengiktirafan SALM daripada pengusaha ladang tertentu jika gagal mematuhi standard menerusi pantauan setiap tahun bagi menjamin kualiti pengeluaran.